

Amaran kepada parti pembangkang

# 'Henti kegiatan pecahbelah umat Islam...'

**KUALA LUMPUR, Selasa** — Parti pembangkang diberi amaran keras supaya memberhentikan kegiatan memecahbelahkan masyarakat Islam di negara ini.

Amaran tersebut dibuat oleh Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Men-

teri, Datuk Mohamad Nasir di Dewan Rakyat hari ini.

Menjawab soalan tambahan Encik Alias Ali (BN-Ulu Trengganu) beliau berkata, parti pembangkanglah yang menjadi punca perpecahan umat Islam di negara ini.

"Kerajaan telah pun meniasat dan mengka-

ji perbuatan tersebut."

Menjawab soalan tambahan dari Datuk Yusof Mallim Kuning (BN-Pariti), Datuk Mohamad Nasir menerangkan, setakat ini tidak ada bukti menunjukkan kegiatan mereka dijanjur oleh negara asing.

Menjawab soalan tambahan Encik Nakhale Haji Ahmad (PAS-Baling), yang ingin tahu, apa yang mereka buat, beliau berkata, soal ini jelas dari perbuatan kafir mengkafr.

Menjawab soalan asal Encik Ismail Arshad (BN-Jerai), Datuk Mohamad berkata, kerajaan memang sedar berlakunya kekecohan di kalangan masyarakat Islam di negara ini akibat kegiatan pulau memulau dan sebagainya yang dilakukan oleh sesetengah pihak tidak bertanggungjawab.

Katanya, kerajaan sentiasa mengawasi dengan rapi setiap kegiatan dan perkembangan ini dari masa ke semasa.

Kerajaan akan mengambil tindakan tegas menurut perlembagaan dan undang-undang dan tidak akan bertolak ansur terhadap sesiapa sahaja yang bertanggungjawab melakuan apa sahaja kegiatan yang boleh mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam.

"Kepada sesiapa yang tidak bertanggungjawab ini, kerajaan memberi amaran keras supaya memberhentikan kegiatan itu.

## Kempen derma darah: Ahli Parlimen sambut dingin saja

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

**KUALA LUMPUR, Selasa** — Ahli-ahli Parlimen menyambut dingin kempen-kempen derma darah, kata Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk K. Pathmanaban di Dewan Rakyat hari ini disambut dengan gelak ketawa.

Speaker, Tan Sri Syed Nasir Ismail lalu menyampuk: "Kalau begitu wakil DAP dari Ipoh, Encik Lim Cho Hock boleh mengetahui senarai," disambut dengan gelak ketawa lagi.

Sebelum itu, Encik Lim mencadangkan setiap Ahli Parlimen mesti menderma satu pain darah tetapi Speaker menyahut, "bagaimana setiap orang, kerana antara mereka ada yang kurus kering."

Menjawab soalan Haji Zabidi Ali (PAS Permatang Pauh), Datuk Pathmanaban berkata:

"Sebahagian besar penderma darah adalah dari kaum Bumiputera dan kebanyakannya anggota-anggota tentera, polis dan lain-lain, yang menjadi penderma darah "regular".

Bagaimanapun, bilangan penderma darah dari bukan Bumiputera kian meningkat juga dari 20,533 pada tahun 1975 kepada 34,329 pada tahun 1980, katanya.

### Penderma

Bellau berkata, peraturan penderma darah di kalangan bukan Bumiputera lima tahun lalu lebih besar, jika dibandingkan dengan penderma kaum Bumiputera, dan kadar ini menggalakkan.

Bellau menerangkan, publisiti yang berterusan sentiasa

dijalankan oleh kakitangan Bank Darah, agensi-agensi sukarela, pihak akhbar dan lain-lain untuk menggalakkan pendermaan darah dari semua kaum di negara ini.

Menjawab soalan mulut Encik Lee Kaw (DAP-Keluang), Datuk Pathmanaban berkata, hasil urusan khas yang dijalankan pada tahun lalu untuk penarafan semula gred jawatan pegawai-pegawai perubatan, 97 jawatan dinaikkan taraf.

Dari jumlah itu, katanya, 61 jawatan dipenuhi dan 36 jawatan masih kosong.

"Dua puluh satu jawatan akan diisi setelah urusan kenaikan pangkat calon-calon berkaitan diselesaikan tidak lama lagi manakala 15 jawatan lain tidak dapat diisi, kerana tidak ada calon yang layak.